Kementerian tidak halang FLFAM naikkan harga ayam

UM - 21/9/2006

PUTRAJAYA 20 Sept. – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak akan menghalang keputusan Persekutuan Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) menaikkan harga ayam sebanyak 65 sen di seluruh negara mulai esok.

Bagaimanapun menterinya, Datuk Shafie Apdal berkata, kenaikan harga tersebut tidak boleh melebihi harga siling ayam yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu RM6.70 sekilogram.

Beliau berkata, mana-mana peniaga yang menaikkan harga melebihi harga siling bakal berhadapan dengan tindakan tegas kerajaan mengikut peruntukan Akta Kawalan Harga 1946.

"Tidak ada masalah untuk menaikkan harga tapi kita mahu pastikan ia tidak melebihi harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan," katanya kepada pemberita selepas mengumumkan pelaksanaan Skim Kawalan Harga Barang-barang Pengguna bagi tahun 2006/2007 di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai keputusan FLFAM menaikkan harga ayam di

SHAFIE APDAL

seluruh negara sebanyak 65 sen disebabkan faktor permintaan bekalan semasa.

Dalam kenyataannya hari ini, persekutuan tersebut mengumumkan harga runcit ayam bersih tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal kini RM5.65 sen sekilogram berbanding RM5 sebelum ini. Harga siling yang ditetapkan ialah RM6.70 sekilogram di Semenanjung dan RM7.40 hingga RM9.50 sen di Labuan, Sabah dan Sarawak.

Harga siling

Menurut kenyataan itu, harga ayam bersih beserta kaki, kepala, hati dan hempedal pula naik 60 sen kepada RM5.05 sen sekilogram berbanding RM4.45 sebelum ini. Harga siling yang ditetapkan ialah RM6 sekilogram.

Dalam perkembangan sama, Shafie berkata, kementerian melalui Bahagian Penguat Kuasa akan melakukan pemantauan harga ayam dengan menyeluruh supaya tidak ada peniaga yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga melebihi siling yang ditetapkan.

"Walaupun persatuan tidak menaikkan harga melebihi siling yang ditetapkan, kita akan membuat pemeriksaan dan pemantauan dari semasa ke semasa," tambah beliau.